

IMPORTANT NOTICE:

THIS IS AN INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS, AND NOT A DEPOSIT PRODUCT.

CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.

NOTIS PENTING:

INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.

PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.

TRANSACTIONAL INVESTMENT ACCOUNTS ("TIA") SUBJECT TO THIS GENERIC TERM AND CONDITION ("THIS T&C") ARE AS FOLLOWS:

1. Al-Awfar Investment Account ("Al-Awfar");
2. iGain Investment Account ("iGain"); and
3. Ihsan Ascent Investment Account ("Ihsan Ascent").

AKAUN PELABURAN TRANSAKSI ("TIA") YANG TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARAT AM INI ("T&C INI") ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Akaun Pelaburan Al-Awfar ("Al-Awfar");
2. Akaun Pelaburan iGain ("iGain"); and
3. Akaun Pelaburan Ihsan Ascent ("Ihsan Ascent").

A GENERIC TERMS AND CONDITIONS FOR INVESTMENT ACCOUNT	A TERMA DAN SYARAT AM AKAUN PELABURAN
1.0 DEFINITION In this T&C, unless otherwise provided, the following words shall have the meaning as set out below: "Al-Awfar" means an Unrestricted Investment Account Al-Awfar product offered by Bank Islam based on the Shariah principle of Mudarabah. "Bank Islam" means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No. 198301002944) a company incorporated in Malaysia with its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur. "Cash Line-i Facility" means a secured/ non-secured revolving financing which is calculated based on floating rate. "Ihsan Ascent" means an Unrestricted Investment Account Ihsan Ascent product offered by Bank Islam based on the Shariah contract of Mudarabah. "iGain" means an Unrestricted Investment Account iGain product offered by Bank Islam based on the Shariah contract of Mudarabah. "Investment Account" or "IA" means an account under which money/ principal is paid and accepted for the purpose of investment, including for the provision of finance, in accordance with Shariah on terms that there is no express or implied obligation to repay the money in full and: a) either only the profits, or both the profits or losses, thereon shall be shared between the person paying the money and the person accepting the money; or	1.0 DEFINISI Di dalam T&C ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah: "Al-Awfar" bermaksud produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad Al-Awfar yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan prinsip Shariah Mudarabah. "Bank Islam" bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat 198301002944) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur. "Kemudahan Aliran Tunai-i" bermaksud pembiayaan terjamin/ tidak terjamin yang dikira berdasarkan kadar terapung. "Ihsan Ascent" bermaksud produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad Ihsan Ascent yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan kontrak Syariah Mudarabah. "iGain" bermaksud produk Akaun Pelaburan Tidak Terhad iGain yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan kontrak Syariah Mudarabah. "Akaun Pelaburan" atau "IA" bermaksud akaun di mana wang/ prinsipal yang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, selaras dengan prinsip Syariah dengan terma yang tidak dinyatakan secara nyata atau tersirat bahawa tanggungjawab untuk membayar balik wang itu sepenuhnya dan: a) sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, yang akan dikongsi di antara orang yang membayar wang dan orang yang menerima wang itu; atau

b) with or without any return.

“Investment Account Holder” or **“IAH”** means the account holder of an IA.

“Investor Suitability Assessment Form” means the assessment form to assess the suitability of the prospective IAH pertaining to the IA product.

“Mudarabah” means a form of contract between the capital provider (Rabbul Mal) and an entrepreneur (Mudarib) under which the Rabbul Mal provides capital to be managed by the Mudarib and any profit generated from the capital is shared between the Rabbul Mal and Mudarib based on a mutually agreed profit sharing ratio whilst financial losses are borne by the Rabbul Mal provided that such losses are not due to the Mudarib's misconduct, negligence or breach of specific terms.

“Product Disclosure Sheet” or **“PDS”** means a sheet containing the relevant information and disclosure of the main terms of the relevant IA product.

“Unrestricted Investment Account” means a type of IA where the IAH provides Bank Islam with the mandate to make the ultimate investment decision without specifying any particular restrictions or conditions.

“Self Service Terminal” means a terminal which allows the IAH to make cash deposits, withdrawals and/or any other payment transactions in respect of the IAH's accounts opened with Bank Islam.

b) dengan atau tanpa apa-apa pulangan.

“Pemegang Akaun Pelaburan” atau **“IAH”** bermaksud pemegang akaun bagi IA.

“Borang Penilaian Kesesuaian Pelabur” bermaksud borang penilaian untuk menilai kesesuaian bakal IAH yang berkaitan dengan produk IA.

“Mudarabah” bermaksud satu bentuk kontrak antara penyedia modal (Rabbul Mal) dan seorang usahawan (Mudarib) di mana Rabbul Mal menyediakan modal yang akan diuruskan oleh Mudarib dan apa-apa keuntungan yang dijana daripada modal tersebut akan dikongsi di antara Rabbul Mal dan Mudarib mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui bersama manakala sebarang kerugian kewangan adalah ditanggung sepenuhnya oleh Rabbul Mal dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh pihak Mudarib.

“Lembaran Maklumat Produk” atau **“PDS”** bermaksud lembaran yang mengandungi maklumat dan pendedahan yang berkaitan dengan terma-terma utama bagi produk IA yang berkaitan.

“Akaun Pelaburan Tidak Terhad” bermaksud sejenis IA di mana IAH memberikan mandat penuh kepada Bank Islam untuk membuat keputusan pelaburan muktamad tanpa menyatakan apa-apa sekatan atau syarat-syarat tertentu.

“Terminal Layan Diri” bermaksud terminal yang membolehkan IAH melaksanakan deposit tunai, pengeluaran dan/atau sebarang transaksi bayaran lain berkenaan dengan akaun IAH yang dibuka dengan Bank Islam.

2.0 OPENING OF ACCOUNT

- 2.1 Bank Islam reserves the right to stipulate and vary, from time to time with notice, the minimum amount of initial placement required to open the account. IAH is required to maintain minimum balance and any withdrawal below the minimum balance cannot be performed unless account is closed. In the event the account is used to facilitate Cash Line-i Facility, IAH is not required to maintain minimum balance in the account.
- 2.2 Any application to open an IA shall be made using the prescribed form and may be accompanied with the relevant documents as requested by Bank Islam. For application made by company, an instruction letter signed by the applicant's authorized signatories may be requested by Bank Islam.
- 2.3 Unless otherwise exempted, any application to open an IA shall be accompanied with a duly completed investor Suitability Assessment Form.
- 2.4 By making an application to open an IA, the IAH confirms that he/she has read and understood the PDS related to IA product.
- 2.5 By signing the application form for opening of account and/or performing his/her biometric scanning at Bank Islam, the IAH hereby agrees to invest the money into IA product based on Mudarabah contract for Bank Islam to invest in whatever way that Bank Islam deems fit. Any profit made from the said investment shall be shared between Bank Islam and IAH at the ratio offered by Bank Islam and shall be credited into the account according to the conditions set by Bank Islam.

2.0 PEMBUKAAN AKAUN

- 2.1 Bank mempunyai hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa melalui notis, jumlah pelaburan minimum yang diperlukan untuk membuka akaun. IAH perlu mengekalkan baki minimum dan sebarang pengeluaran kurang daripada baki minimum tidak boleh dibuat melainkan akaun tersebut ditutup. Sekiranya akaun digunakan untuk Kemudahan Aliran Tunai-i, IAH tidak perlu mengekalkan baki minimum di dalam akaun.
- 2.2 Sebarang permohonan untuk membuka IA hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan mungkin disertakan beserta dokumen-dokumen yang berkaitan, seperti mana yang diminta oleh Bank Islam. Bagi permohonan yang dibuat oleh Syarikat, surat arahan yang ditandatangani oleh penandatangani sah yang dilantik juga mungkin diminta oleh pihak Bank Islam.
- 2.3 Permohonan untuk membuka IA hendaklah disertakan dengan satu Borang Penilaian Kesesuaian pelabur yang lengkap melainkan jika dikecualikan.
- 2.4 Dengan membuat permohonan untuk membuka IA, IAH mengesahkan bahawa dirinya telah membaca dan memahami PDS yang berkaitan dengan produk IA.
- 2.5 Dengan menandatangani borang permohonan pembukaan akaun dan/atau membuat imbasan biometrik kepada pihak Bank Islam, IAH dengan ini bersetuju untuk melaburkan wang ke dalam produk IA berdasarkan kontrak Mudarabah untuk Bank Islam laburkan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank Islam. Sebarang keuntungan yang dijana daripada pelaburan akan dikongsi antara Bank Islam dan IAH pada nisbah yang ditawarkan oleh Bank Islam dan akan dikreditkan ke akaun berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Bank Islam.

- | | |
|---|--|
| <p>2.6 Individual who has attained the age of at least eighteen (18) years are eligible to open an individual or a joint IA.</p> <p>2.7 Bank Islam is authorised to act on all instructions given in accordance with the signing instructions stated in the account opening form and the Specimen Signature Card (or otherwise provided to and accepted by Bank Islam). If any instructions are ambiguous or Bank Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act upon any instructions until the conflict has been resolved to Bank Islam's satisfaction, without any liability to Bank Islam. IAH are required to use the same style of signature on all withdrawal instructions, cheques, letters etc. as that on the account opening form or the specimen card.</p> <p>2.8 Bank Islam may, to the extent permitted by law and Shariah principles accept the opening or continuance of IA product.</p> | <p>2.6 Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun layak untuk membuka IA individu atau bersama.</p> <p>2.7 Bank Islam diberi kuasa untuk bertindak atas semua arahan yang diberikan mengikut arahan tandatangan seperti dinyatakan dalam borang pembukaan akaun dan Kad Spesimen Tandatangan (atau sebaliknya disediakan kepada dan diterima oleh Bank Islam). Sekiranya terdapat apa-apa arahan yang tidak jelas atau Bank Islam menerima arahan yang bercanggah, Bank Islam mempunyai hak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam tanpa sebarang liabiliti kepada Bank Islam. IAH dikehendaki menggunakan gaya tandatangan yang sama pada semua arahan pengeluaran, cek, surat dan lain-lain seperti yang terdapat pada borang pembukaan akaun atau kad spesimen.</p> <p>2.8 Bank Islam boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan prinsip Shariah menerima pembukaan atau penerusan produk IA.</p> |
|---|--|

3.0 JOINT ACCOUNT

- 3.1 The following terms and conditions shall apply to a joint account:
- a) the liability of the joint IAH to Bank Islam shall be joint and several;
 - b) in the event of bankruptcy or demise one of the joint IAHs, Bank Islam is authorised to close the joint account and release the remaining balance in the joint account to the surviving or solvent IAH as trustee. Such release shall constitute a valid discharge by Bank Islam of the amount in the account without any liability to the IAH or heirs of the joint IAH;
 - c) if any instructions from joint IAH are ambiguous or Bank Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act upon any instructions until the conflict has been resolved to Bank Islam's satisfaction, without any liability to the joint IAHs; and
 - d) any amendment to this mandate shall require the signatures from all joint IAHs. Any request to close the account will be treated as valid and acceptable by Bank Islam if it is signed by all joint IAHs.

3.0 AKAUN BERSAMA

- 3.1 Terma-terma dan syarat-syarat berikut terpakai bagi akaun bersama:
- a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank Islam adalah secara bersama dan berasingan;
 - b) jika salah seorang daripada IAH bersama meninggal dunia atau diisytihar bankrap, Bank Islam berhak untuk menutup akaun bersama dan melepaskan baki daripada akaun bersama tersebut kepada IAH yang tidak muflis atau masih hidup sebagai pemegang amanah. Pelepasan daripada jumlah dalam akaun tersebut akan menjadi pelepasan yang sah oleh Bank Islam tanpa sebarang liabiliti terhadap IAH atau atau waris-waris kepada IAH bersama;
 - c) sekiranya terdapat apa-apa arahan dari IAH bersama yang tidak jelas atau bercanggah, Bank Islam berhak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam tanpa sebarang liabiliti kepada IAH bersama; dan
 - d) sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua IAH bersama. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank Islam jika ditandatangani oleh semua IAH bersama.

4.0 PARTNERSHIP ACCOUNT

- 4.1 The following terms and conditions shall apply to a partnership account:
- a) the liability of the joint IAH to Bank Islam shall be joint and several;
 - b) if the partnership is dissolved, the remaining balance in the account shall be distributed based on the partnership agreement or the court's order;
 - c) any instruction issued pertaining to the operation of the partnership account shall remain enforceable until its revocation in writing, without taking into consideration any amendments made to the constitution or the firm's name and it is applicable without taking into consideration of the firm's membership affected by the death of the partner, bankruptcy and retirement or with the entry of the new partner;
 - d) if any instructions from any partners and/or the authorised signatories of the partnership IA is too ambiguous or Bank

4.0 AKAUN PERKONGSIAN

- 4.1 Terma-terma dan syarat-syarat berikut terpakai bagi akaun perkongsian:
- a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada Bank Islam adalah secara bersama dan berasingan;
 - b) jika perkongsian, jumlah baki di dalam akaun akan diagihkan mengikut perjanjian perkongsian atau perintah mahkamah;
 - c) apa-apa arahan yang diberikan untuk pengoperasian akaun perkongsian akan kekal berkuat kuasa sehingga pembatalannya secara bertulis, tanpa mengambil kira sebarang perubahan dalam perlembagaan atau nama firma dan adalah terpakai tanpa mengambil kira perubahan dalam keahlian firma samada akibat kematian rakan kongsi, kebangkrutan dan persaraan atau dengan kemasukan rakan kongsi yang baharu;
 - d) sekiranya terdapat apa-apa arahan dari mana-mana rakan kongsi atau penandatangan sah akaun perkongsian IA

Islam receives conflicting instructions, Bank Islam reserves the right not to act based upon any of the instructions until the conflict has been resolved up to Bank Islam's satisfaction, without any liability to the partnership IA, the partners and/or authorised signatories of the partnership IA; and

- e) any amendment to the mandate would require agreement and signature from all partners. Any request to close the IA will be considered valid and acceptable by Bank Islam if it is agreed and signed by all partners.

yang tidak jelas atau bercanggah Bank Islam berhak untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik tersebut telah diselesaikan menurut kepuasan Bank Islam, tanpa sebarang liabiliti kepada akaun perkongsian IA, mana-mana rakan kongsi dan/atau penandatanganan sah IA tersebut; dan

- e) melainkan dipersetujui selainnya oleh semua rakan kongsi, sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua rakan kongsi. Sebarang permintaan untuk menutup IA akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh Bank Islam jika ditandatangani oleh semua rakan kongsi.

5.0 INVESTMENT ACTIVITIES

- 5.1 The IAH acknowledges that he/she fully understood the risks associated with IA and the Shariah principle of Mudarabah, as defined above, including the possibility to incur financial losses in whole or in part of his/her capital investment in the account.
- 5.2 If the account is used to facilitate Cash Line-i Facility, the following terms and conditions shall apply:
- a) Mudarabah contract will cease when the account balance is zero; and
- b) Upon existence of available balance in the account, the Mudarabah contract is reactivated upon the placement of money.
- 5.3 Under the IA concept of Mudarabah, the IAH as the capital provider or rabbul mal shall provide capital to be managed by Bank Islam acting as the entrepreneur or mudarib with a view of sharing profits arising from the investment activities managed by Bank Islam.

5.0 AKTIVITI PELABURAN

- 5.1 IAH mengakui bahawa dia telah memahami sepenuhnya segala risiko yang berkaitan dengan IA dan prinsip Shariah Mudarabah, seperti yang dinyatakan di atas, termasuk kemungkinan untuk mengalami kerugian kewangan secara keseluruhan atau sebahagian daripada pelaburan modal di dalam akaun tersebut.
- 5.2 Sekiranya akaun digunakan untuk Kemudahan Aliran Tunai-i, terma dan syarat berikut akan terpakai:
- a) Kontrak Mudarabah akan terhenti apabila baki akaun adalah kosong; dan
- b) Setelah adanya baki dalam akaun, kontrak Mudarabah diaktifkan semula ketika penempatan wang dibuat.
- 5.3 Di bawah IA berkonsepkan Mudarabah, IAH sebagai penyedia modal atau rabbul mal akan menyediakan modal yang akan diuruskan oleh Bank Islam yang bertindak sebagai usahawan atau mudarib dengan tujuan untuk perkongsian keuntungan yang akan dijana daripada aktiviti pelaburan yang diuruskan oleh Bank Islam.

6.0 INVESTMENT TENURE

- 6.1 There is no fixed minimum or maximum tenure for IA products.
- 6.2 IAH is free to withdraw or increase the investment in the IA. However, a minimum balance as set out in the PDS and/or Letter of Offer (where applicable) shall be maintained in the account.

6.0 TEMPOH PELABURAN

- 6.1 Tiada tempoh tetap minimum atau maksimum untuk produk IA.
- 6.2 IAH bebas untuk mengeluarkan atau meningkatkan pelaburan dalam IA. Walau bagaimanapun, baki minimum seperti yang dinyatakan di dalam PDS dan/atau Surat Tawaran (di mana berkenaan) perlu dikekalkan dalam akaun.

7.0 INVESTMENT OBJECTIVES AND STRATEGIES

- 7.1 Every IA shall be governed by the investment objectives and strategies as set out in the PDS/ Letter of Offer.

7.0 OBJEKTIF PELABURAN DAN STRATEGI

- 7.1 Objektif dan strategi pelaburan setiap IA adalah seperti yang dinyatakan di dalam PDS/ Surat Tawaran.

8.0 PROFIT AND LOSS

- 8.1 Any profits deriving from the investment activities, if any, shall be shared between Bank Islam and the IAH in accordance with the agreed profit-sharing ratio (PSR) as set out in the PDS, Letter of Offer and/or updated on Bank Islam website at www.bankislam.com (where applicable).
- 8.2 The illustration on profit calculation is as set out in the PDS.
- 8.3 The PSR will be revised and take effect every 16th calendar day of the month. The revised PSR will be displayed at Bank Islam's branches/ premises or updated on Bank Islam website at www.bankislam.com. IAH is reminded to regular check Bank Islam's website and branch information board to for latest applicable PSR. By maintaining of the TIA, IAH shall be regarded

8.0 KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN

- 8.1 Apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan, jika ada, hendaklah dikongsi di antara Bank Islam dan IAH mengikut nisbah perkongsian keuntungan (PSR) yang telah dipersetujui seperti yang dinyatakan di dalam PDS, Surat Tawaran dan/atau dikemas kini di laman web Bank Islam di www.bankislam.com (di mana berkenaan).
- 8.2 Ilustrasi pengiraan keuntungan adalah seperti yang dinyatakan di dalam PDS.
- 8.3 PSR yang baharu akan ditukar dan berkuat kuasa pada 16 hari bulan setiap bulan. PSR yang baharu akan dipaparkan di cawangan/ premis Bank Islam atau dikemas kini di laman web Bank Islam di www.bankislam.com. IAH diingatkan untuk melayari laman web Bank Islam dan papan maklumat di cawangan secara berkala untuk PSR terkini. Sekiranya IAH

agreeable with the prevailing PSR. IAH is advised to approach any of our staff at the branch or contact us for any assistant on the revised PSR.

mengekalkan TIA, IAH dianggap bersetuju dengan PSR terkini. IAH dinasihatkan untuk menghubungi mana-mana kakitangan kami di cawangan atau menghubungi kami bagi mendapatkan bantuan menyemak PSR terkini.

8.4 The profits, if any, shall be paid monthly or such other interval as set out in the PDS and/or Letter of Offer (where applicable).

8.4 Sebarang keuntungan, jika ada, adalah dibayar secara bulanan atau pada jangka masa seperti yang dinyatakan di dalam PDS dan/atau Surat Tawaran (di mana berkenaan).

8.5 Profits generated from the investment are shared in accordance with the terms in the contract and losses, if any, shall be borne solely by the IAH and Bank Islam will not be responsible or liable to bear any losses except for losses which are due to or arising from any act of misconduct, negligence or breach of specific terms by Bank Islam.

8.5 Keuntungan yang dijana daripada pelaburan akan dikongsi bersama Bank Islam dan IAH mengikut terma-terma di dalam kontrak dan kerugian, jika ada, akan ditanggung sepenuhnya oleh IAH dan Bank Islam tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kerugian kecuali kerugian yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada apa-apa perbuatan salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma-terma khusus oleh Bank Islam.

9.0 VALUATION METHOD AND FREQUENCY

9.1 Valuation will be carried out in line with the recognition and measurement criteria of the applicable Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS). IAH will be able to obtain information pertaining to the Investment Account from Bank Islam website on www.bankislam.com.

9.0 KAEDAH PENILAIAN DAN KEKERAPAN

9.1 Penilaian akan dilaksanakan selaras dengan pengiktirafan dan pengukuran kriteria Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS). IAH boleh mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan Akaun Pelaburan dari laman web Bank Islam di www.bankislam.com.

10.0 PLACEMENT

10.1 The IAH may place monies in the IA via any mode of transaction made available by Bank Islam.

10.2 Inter branch placement are allowed subject to prescribed charges, if any.

10.3 Cash placement must be accompanied by a cash deposit slip which will be regarded as proof of IAH's cash placement. Bank Islam will provide copy of the cash deposit slip to the IAH enclosing the details of the transaction. The cash deposit slip is only valid if it has been printed by Bank Islam's computer or endorsed by Bank Islam's officer. The IAH must ensure that all transaction made is reflected in the cash deposit slip and shall verify details of all transactions prior to leaving Bank Islam's premise.

10.4 Cheque deposit must be made following the guideline which has been defined by Bank Islam from time to time. IAH must write the name of recipient, account number and telephone number clearly behind the cheque and any amendments on the cheque is not allowed.

10.5 Cheques and other monetary instruments, deposited and subsequently dishonoured, must be collected by IAH within the validity of the cheque. Uncollected cheques will be retained for seven (7) years before disposal.

10.6 Bank Islam has the right whether or not to accept any cheques or other monetary instruments for credit transaction.

10.0 PELABURAN

10.1 IAH boleh melaburkan wang ke dalam IA melalui mana-mana cara urus niaga yang disediakan oleh Bank Islam.

10.2 Pelaburan antara cawangan adalah dibenarkan tertakluk kepada caj yang ditetapkan, jika ada.

10.3 Setiap pelaburan tunai yang dibuat mesti disertakan dengan slip deposit tunai yang akan digunapakai sebagai bukti pelaburan tunai oleh IAH. Islam. Bank Islam akan membekalkan salinan slip deposit tunai kepada IAH berserta butiran urus niaga. Salinan slip deposit tunai tersebut hanya dianggap sah jika ianya telah dicetak dengan komputer Bank Islam atau diakui penerimaannya oleh pegawai Bank Islam. IAH hendaklah memastikan segala urus niaga yang dibuat tercatat di slip deposit tunai dan hendaklah ditentusahkan sebelum meninggalkan premis Bank Islam.

10.4 Bagi deposit cek yang dibuat hendaklah mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. IAH hendaklah menulis nama penerima, nombor akaun dan nombor telefon dengan jelas di belakang cek dan sebarang pindaan di muka cek tidak dibenarkan.

10.5 Cek dan instrumen kewangan lain yang dideposit dan selepas itu tidak diterima, perlu diambil semula oleh IAH dalam tempoh masa sah cek. Cek yang tidak diambil akan disimpan sehingga tujuh (7) tahun sebelum dilupuskan.

10.6 Bank Islam mempunyai hak sama ada untuk menerima atau tidak menerima cek atau instrumen kewangan lain untuk transaksi kredit.

11.0 WITHDRAWAL

11.1 Any withdrawals to be made from the account may be subject to such requirements of Bank Islam and/or subject to prevailing practice of Bank Islam and/or subject to such proof of identity as Bank Islam may require.

11.2 Inter branch withdrawals are allowed subject to the limits and prescribed charges, if any, as set out in the PDS, Letter of Offer,

11.0 PENGELUARAN

11.1 Sebarang pengeluaran yang ingin dibuat daripada akaun yang berkenaan tertakluk kepada sebarang keperluan Bank Islam dan/atau tertakluk kepada amalan Bank Islam yang berkuat kuasa dan/atau tertakluk kepada bukti pengenalan diri seperti yang dikehendaki oleh Bank Islam.

11.2 Pengeluaran antara cawangan adalah dibenarkan tertakluk kepada had dan caj yang ditetapkan, jika ada, seperti yang dinyatakan di dalam PDS, Surat Tawaran, laman sesawang

Bank Islam's website and/or any other channels as communicated by Bank Islam.

Bank Islam dan/atau mana-mana saluran lain seperti yang diberitahu oleh Bank Islam.

11.3 Cash withdrawals via Automated Teller Machine (ATM) shall be subject to the terms and conditions governing the operations of Debit Card-i.

11.3 Pengeluaran tunai melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM) adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal operasi Kad Debit-i.

11.4 IAH is required to maintain minimum balance in the account at all times as set out in the PDS and/or Letter of Offer before issuing any cheque payments, fund transfers, withdrawal or any perform transaction of sum smaller than the minimum balance unless the account is to be closed. In the event the account is used to facilitate Cash Line-i Facility, IAH is not required to maintain minimum balance in the account.

11.4 IAH perlu mengekalkan baki minimum di dalam akaun pada setiap masa seperti yang dinyatakan didalam PDS dan/atau Surat Tawaran sebelum pengeluaran pembayaran cek, pindahan baki, pengeluaran atau apa-apa traksaksi yang mempunyai baki kurang dari had minimum melainkan jika akaun akan ditutup. Sekiranya akaun digunakan untuk Kemudahan Aliran Tunai-i, IAH tidak perlu untuk mengekalkan baki minimum di dalam akaun.

11.5 Notwithstanding the foregoing or anything contained herein, Bank Islam shall have the right to suspend any withdrawal of IA under any of the following circumstances:

11.5 Walau apa pun yang disebutkan di atas atau terkandung di dalam terma ini, Bank Islam mempunyai hak untuk menggantung apa-apa pengeluaran IA dalam mana-mana keadaan berikut:

- a) market wide failure or financial/ economic crisis which includes but not limited to stock market crash or asset price crash; or
- b) exceptional operational failure such as wide scaled black out or system failure; or
- c) underlying assets shall not be capable of being liquidated at appropriate price; or
- d) the IAH's interest will be at jeopardy if redemption is not suspended; or
- e) any other events or circumstances which Bank Islam will communicate from time to time.

- a) kegagalan pasaran luas atau krisis kewangan/ ekonomi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejatuhan pasaran stok atau kemerosotan harga aset; atau
- b) kegagalan operasi luar biasa seperti bekalan elektrik terputus berskala besar atau kegagalan sistem; atau
- c) aset asas yang tertentu tidak mampu dicairkan pada harga yang sesuai; atau
- d) kepentingan IAH akan terjejas jika penebusan tidak digantung; atau
- e) apa-apa peristiwa atau hal keadaan lain yang akan diberitahu oleh Bank Islam dari semasa ke semasa.

12.0 FEES AND CHARGES

12.0 YURAN DAN CAJ

12.1 Bank Islam shall be entitled to charge fee for any of its services provided to the IAH at the rates imposed by Bank Islam (as approved by Bank Negara Malaysia and subject to the Shariah rules and principles) based on the Shariah contract of Ijarah Al-Khadamat and as set out in the PDS, Letter of Offer, Bank Islam's website and/or any channels considered appropriate by Bank Islam. Bank Islam shall have the right to debit the IAH's account for the said charges.

12.1 Bank Islam berhak untuk mengenakan bayaran yuran atau caj bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada IAH pada kadar yang ditentukan oleh Bank Islam (seperti mana yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah) berdasarkan kepada kontrak Syariah Ijarah Al-Khadamat dan seperti yang dinyatakan di dalam PDS, Surat Tawaran, laman sesawang Bank Islam dan/atau mana-mana saluran yang yang dianggap sesuai oleh Bank Islam. Bank Islam berhak untuk mendebit akaun IAH bagi tujuan caj tersebut.

13.0 STATEMENT OF ACCOUNT

13.0 PENYATA AKAUN

13.1 The statement of account issued by Bank Islam shall be valid and binding against IAH if not disputed within fourteen (14) calendar days from the date of the statement.

13.1 Penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank Islam adalah sah dan mengikat IAH jika tidak dipertikaikan dalam empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata akaun.

13.2 Bank Islam will issue monthly statement to IAH. Any request by the IAH for statement over the counter (OTC) is subject to payment of charges (auto deduction) as described in the PDS, Letter of Offer and/or Bank Islam's website.

13.2 Bank Islam akan mengeluarkan penyata bulanan kepada IAH. Sebarang permintaan penyata bulanan oleh IAH melalui kaunter (OTC) hendaklah tertakluk kepada caj pembayaran (potongan auto) seperti yang dinyatakan dalam PDS, Surat Tawaran dan/atau laman web Bank Islam.

13.3 The IAH is responsible to verify entries of all statement of account balance issued/ made available by Bank Islam and to notify Bank Islam in writing within fourteen (14) calendar days from the date of the statement of account of any error, irregularity, discrepancy, claim or unauthorized debit or credit item whether made, processed or paid out as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whomsoever. Unless otherwise notified by the IAH within the aforementioned period, all statement of account, balance issued/ made available by Bank Islam shall be valid and binding against the IAH. Bank Islam shall not be liable for any unauthorized alteration on the

13.3 IAH berkewajipan untuk menentusahkan catatan semua penyata baki akaun yang dikeluarkan/ disediakan oleh Bank Islam dan memaklumkan kepada Bank Islam secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata akaun jika terdapat apa-apa kesilapan, luar aturan, percanggahan, tuntutan atau debit atau kredit item yang tidak dibenarkan sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, kecurangan kuasa, kecuriaan atau sebaliknya oleh sesiapa. Kecuali diberitahu sebaliknya oleh IAH dalam tempoh yang dinyatakan di atas, semua penyata baki akaun yang dikeluarkan/ disediakan oleh Bank Islam adalah sah dan mengikat IAH. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa perubahan

statement of account, nor for its misuse, acceptance or unauthorized use.

yang tidak dibenarkan pada penyata akaun, apa-apa salah guna, penerimaan atau penggunaan yang tidak dibenarkan.

13.4 Bank Islam may not send the account statement if the account is dormant or inactive. Bank Islam may also discontinue sending the account statement if the statement is unclaimed or undeliverable for any reason.

13.4 Bank Islam dibolehkan untuk tidak menghantar penyata akaun jika akaun dormant atau tidak aktif. Bank Islam juga boleh menghentikan penghantaran penyata akaun jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat dihantar atas apa-apa sebab sekalipun.

14.0 INSTRUCTIONS

14.0 ARAHAN

14.1 Any instructions from the IAH to Bank Islam in respect of IA shall be in writing and signed by the IAH. Any such instructions shall be effective only upon receipt by Bank Islam.

14.1 Apa-apa arahan dari IAH kepada Bank Islam berkenaan IA hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh IAH. Arahan-arahan tersebut hanya berkuat kuasa apabila diterima oleh pihak Bank Islam.

15.0 STANDING INSTRUCTIONS

15.0 ARAHAN TETAP

15.1 Any payment or transfer of fund to be made or affected pursuant to any standing instruction given to Bank Islam shall be subjected to the adequacy of balances in the IAH's account.

15.1 Sebarang pembayaran atau pemindahan dana yang akan dibuat atau dilaksanakan selaras dengan arahan tetap yang diberikan kepada Bank Islam adalah tertakluk kepada syarat baki yang mencukupi di dalam akaun IAH.

16.0 AUTHORISATION

16.0 KEBENARAN

16.1 All cheques, banker's cheques, bank's drafts, Negotiable Islamic Debt Certificate, money orders, postal orders, warrants and other financial instruments which have been dishonoured shall be returned by hand or by registered post to the IAH's address last registered with Bank Islam, at the IAH's risk and expenses. Save for negligence on the part of Bank Islam, Bank Islam shall not be responsible or liable for any unauthorised entries in the IAH's account. The IAH shall therefore carefully examine the entries in the account and notify Bank Islam of any errors, irregularities, discrepancies, claims or unauthorized debits or items whether made, processed or paid as a result of forgery, fraud, lack of authority, negligence or otherwise by any person whatsoever. Failure by the IAH to notify Bank Islam in writing of the non-receipt of the statement or failure to notify Bank Islam in writing of any errors, discrepancies, irregularities or unauthorized claims, debits or transactions in the statement within fourteen (14) calendar days from the date of the statement, the records on the statement shall be the evidence that transaction(s) stated in the said statement is/are properly carried out and the IAH shall have accepted all matters contained in the statement as true and accurate in all respects. Any disputes as to the transactions brought to Bank Islam's notice after the said fourteen (14) calendar days shall not be entertained by Bank Islam.

16.1 Semua cek, cek jurubank, draf bank, Sijil Hutang Islam Boleh Niaga, kiriman wang, wang pos, waran dan sebarang intrumen kewangan yang tidak laku akan dikembalikan dengan tangan atau melalui pos berdaftar ke alamat IAH yang terakhir didaftarkan dengan Bank Islam, di atas risiko dan perbelanjaan IAH. Melainkan terdapat kecuaiian pada pihak Bank Islam, Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemasukan atau catatan (entry) yang tidak dibenarkan di dalam akaun IAH. IAH hendaklah berhati-hati semasa memeriksa catatan di dalam akaun dan memaklumkan kepada pihak Bank Islam tentang apa-apa kesilapan, ketaksamaan, percanggahan, tuntutan atau debit tanpa kebenaran atau butiran yang sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat pemalsuan, penipuan, tiada kebenaran, kecuaiian atau selainnya oleh mana-mana orang sekalipun. Kegagalan IAH untuk memberitahu pihak Bank Islam secara bertulis tentang penyata yang tidak diterima atau kegagalan memberitahu pihak Bank Islam secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, ketaksamaan atau tuntutan, debit atau urusniaga tanpa kebenaran pada penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata, rekod dalam penyata adalah keterangan bahawa urus niaga yang dinyatakan di dalam penyata tersebut telah dilaksanakan dengan betul dan IAH telah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata itu sebagai benar dan tepat dalam semua hal. Apa-apa pertikaian tentang urusniaga yang dikemukakan untuk perhatian Bank Islam selepas tempoh empat belas (14) hari tersebut tidak akan dilayan oleh Bank Islam.

17.0 RIGHT OF LIEN, SET OFF AND WITHHOLDING OF FUNDS

17.0 HAK TERHADAP LIEN, TOLAKAN DAN PENAHANAN DANA

17.1 Bank Islam has the right at any point of time to:

a) demand IAH to refund of and/or to debit the IAH's account(s) and/or set off any balances in any account(s) for any overpayment into any IAH's account(s) arising from error, irregularity or omission, whether attributable to Bank Islam, in the course of carrying IAH's instructions or in any other occasions.

b) set off any money in any of the IAH's accounts including amount deriving from the profit sharing investments with Bank Islam (whether matured or otherwise) and/or any investment/ deposit products and/or receivables held in any

17.1 Bank Islam mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

a) meminta bayaran balik daripada IAH dan/atau mendebit akaun IAH dan/atau menolak mana-mana baki di dalam mana-mana akaun IAH untuk apa-apa lebihan bayaran ke dalam mana-mana akaun IAH yang terhasil daripada kesilapan, tidak aturan atau peninggalan, sama ada disebabkan oleh Bank Islam, di dalam proses menjalankan arahan IAH atau di dalam apa jua keadaan selainnya.

b) menolak mana-mana wang di dalam mana-mana akaun IAH termasuk daripada jumlah terhasil daripada perkongsian keuntungan pelaburan dengan pihak Bank Islam (sama ada matang atau selainnya) dan/atau mana-mana produk pelaburan/ deposit dan/atau jumlah yang

of the IAH's accounts, towards satisfaction of any of IAH's liabilities to Bank Islam.

- c) debit the applicable amount from IAH's account without prior consent if IAH is not the intended beneficiary in the following events:
- i. mistaken payment instruction caused by third party who initiates the transaction (Originator) that is directed to a wrong recipient, carries wrong amount or duplicated; or
 - ii. erroneous payment instructions that were incorrectly transferred by other financial institution or Bank Islam to other parties which include but not limited to generating invalid, incorrect, misdirected or duplicated transaction on behalf of Originator due to technical errors or operational errors that are not the fault of the Originator; or
 - iii. erroneous payments caused by payment system may be due to technical or operational errors that resulting in incorrect or duplicated transaction; or
 - iv. unauthorised or fraudulent payment instruction that were not initiated by the Originator or transaction which have been induced by dishonest or fraudulent meant for the benefit of a party other than the party intended by the Originator.

masih terhutang simpan di dalam mana-mana akaun IAH, bagi melunaskan liabiliti-liabiliti IAH kepada pihak Bank Islam.

- c) mendebit jumlah yang berkenaan daripada akaun IAH tanpa mendapat persetujuan terlebih dahulu jika IAH bukanlah penerima yang dimaksudkan dalam situasi berikut:
- i. kesilapan arahan pindahan wang disebabkan oleh pihak ketiga yang memulakan transaksi (Pemula) kepada penerima yang salah, menunjukkan jumlah yang salah, atau merupakan pendua; atau
 - ii. kesilapan arahan pindahan wang oleh institusi kewangan lain atau Bank Islam kepada pihak-pihak lain termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran transaksi yang tidak sah, tidak betul, salah arahan atau pendua bagi pihak Pemula disebabkan oleh kesilapan teknikal atau kesilapan operasi yang bukan kesilapan Pemula; atau
 - iii. kesilapan pindahan wang disebabkan oleh sistem bayaran yang berkemungkinan berpunca daripada kesilapan teknikal atau operasi yang menyebabkan transaksi tidak betul atau pendua; atau
 - iv. arahan pembayaran tanpa kebenaran atau penipuan yang tidak dilakukan oleh Pemula atau transaksi yang berunsurkan ketidakjujuran atau penipuan bagi tujuan menguntungkan sesuatu pihak selain daripada yang dimaksudkan oleh Pemula.

17.2 In the event there is amount due, owing and payable by IAH, Bank Islam reserves the right to refuse withdrawals of or refuse to discharge any IAH's accounts, balances, funds and/or assets. Bank Islam is authorised to realise (whether at or before maturity) any of IAH's deposits, investment products and/or assets whatsoever held with Bank Islam until all monies due, owing and payable to Bank Islam is fully settled by IAH.

17.2 Jika terdapat jumlah belum dibayar, terhutang dan perlu dibayar oleh IAH, Bank Islam mempunyai hak untuk menahan pengeluaran atau menahan daripada melepaskan mana-mana akaun, jumlah baki, dana dan/atau aset IAH. Bank Islam dibenarkan untuk mencairkan (sama ada pada atau sebelum tarikh matang) mana-mana produk deposit, pelaburan dan/atau apa jua aset IAH yang dipegang oleh Bank Islam sehingga kesemua wang yang belum dibayar, terhutang dan perlu dibayar dijelaskan sepenuhnya oleh IAH.

18.0 INACTIVE/ DORMANT ACCOUNTS/ UNCLAIMED MONIES

- 18.1 IAH shall transact at least once a year. Bank Islam shall consider the account as dormant if the account is not active for a period of one (1) year from the last transaction date.
- 18.2 Any credit balance standing to the IA which has not been operated for seven (7) years or more will be transferred to the Registrar of Unclaimed Moneys under the Unclaimed Moneys Act (UMA) 1965.
- 18.3 Subject to Clause 12.1, an annual service charge shall be imposed and deducted from the account as long as it remains dormant. This service charge will be charged (auto deduction) until the remaining balances are sent to the Registrar of Unclaimed Moneys.
- 18.4 For account with balance up to RM5.00, the credit balance in the account will be deducted as service charge and the account thereafter shall be closed.

18.0 AKAUN TIDAK AKTIF/ AKAUN DORMAN/ WANG TAK DITUNTUT

- 18.1 IAH perlu melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi dalam setahun. Bank Islam akan mengklasifikasikan akaun sebagai dormant jika akaun tidak aktif untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh transaksi terakhir.
- 18.2 Mana-mana baki kredit yang ada di dalam IA yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut (UMA) 1965.
- 18.3 Tertakluk kepada Klausula 12.1, caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak dari akaun selagi ia kekal tidak aktif. Bayaran perkhidmatan ini akan dikenakan (potongan secara automatik) sehingga baki yang tinggal dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- 18.4 Untuk akaun dengan baki sehingga RM5.00, baki kredit di dalam akaun akan ditolak sebagai caj perkhidmatan dan selepas itu akaun akan ditutup.

19.0 FREEZING, HOLDING, SUSPENDING AND/OR CLOSING OF ACCOUNT

- 19.1 Bank Islam may freeze, hold, suspend, close and/or place any other appropriate tagging on IAH's account whatsoever and dealing with the balances in the IAH's account at Bank Islam's

19.0 PEMBEKUAN, PENAHANAN, PENGANTUNGAN DAN/ATAU PENUTUPAN AKAUN

- 19.1 Pihak Bank Islam boleh membekukan, menahan, menggantung, menutup dan/atau meletakkan apa-apa tanda lain yang sesuai pada akaun IAH dan menguruskan baki-baki di dalam akaun IAH

discretion upon receipt of the notice of death, insanity, bankruptcy and winding-up or upon being served with order from court, relevant authorities, or enforcement agencies, or at Bank Islam's opinion proper and necessary to do so (where it is final and binding).

mengikut budi bicara pihak Bank Islam apabila menerima notis kematian, hilang akal, muflis, dan bankrap atau apabila disampaikan perintah daripada mahkamah, mana-mana pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan, atau mengikut pendapat pihak Bank adalah sesuai dan perlu untuk berbuat demikian (yang mana ianya muktamad dan mengikat).

19.2 Bank Islam may also close/ terminate the account upon occurrence of any of the following events:

19.2 Pihak Bank Islam juga boleh menutup/ menamatkan akaun tersebut jika berlaku mana-mana perkara berikut:

- a) The IAH is adjudged bankrupt or in liquidation; or
- b) Cheque deposit is returned or dishonoured; or
- c) Withdrawal by the IAH of all amounts deposited or if the balance of account falls below the minimum balance allowed; or
- d) The IAH commits breach of any of the terms and conditions herein; or
- e) The IAH does not accept any alteration and amendment to this T&C, and the provision under Clause 20.2; or
- f) Instruction from any law enforcement agencies; or
- g) The IAH fails to ensure that the source of fund does not become fully Shariah non-compliant; or
- h) Any other events as communicated by Bank Islam from time to time.

- a) IAH diisytihar bankrap atau di dalam proses penggulungan; atau
- b) Deposit cek dipulangkan atau dikembalikan; atau
- c) IAH mengeluarkan kesemua amaun yang telah dilaburkan atau baki akaun di bawah jumlah minimum yang dibenarkan; atau
- d) IAH melanggar mana-mana peraturan dan syarat-syarat yang telah dipersetujui; atau
- e) IAH tidak bersetuju pada sebarang perubahan atau pindaan pada mana-mana T&C ini, dan peruntukan dibawah Klausa 20.2; atau
- f) Arahan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang; atau
- g) IAH gagal memastikan bahawa sumber wang yang dilaburkan adalah bukan sepenuhnya tidak patuh Syariah; atau
- h) Mana-mana keadaan lain seperti yang diberitahu oleh pihak Bank Islam dari semasa ke semasa.

20.0 ADDITIONAL TERMS AND CONDITIONS

- 20.1 IA product shall further be governed by and subject to the rules, regulations and guidelines issued by Bank Negara Malaysia from time to time. The IAH agrees that the services currently and/or at any time offered by Bank Islam to IAH shall be dependent upon and subject to the said rules, regulations and guidelines.
- 20.2 Bank Islam shall be entitled to vary or amend the terms and/or conditions of this T&C subject to the Shariah rules and principles by giving twenty one (21) days notice in writing to the IAH and such amendments and variations shall have similar effect as those hereinbefore referred to in this T&C and nothing herein shall be construed so as to restrict or curtail or prejudice any of the rights of Bank Islam herein to vary or amend the terms and/or conditions without the necessity to obtain the IAH's consent or confirmation.
- 20.3 If there is any change in the IAH's personal data for example address, the IAH shall notify Bank Islam immediately. This is important to ensure that all communications reach the IAH promptly.
- 20.4 For the purpose of transactions at Self Service Terminal, Al-Awfar may appear as Savings Account and iGain as Current Account.
- 20.5 Bank Islam shall provide a fund performance report to the IAH on a quarterly basis. The format and contents of the fund performance report shall be in such form as may be determined by Bank Islam.

20.0 TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

- 20.1 Produk IA adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa. IAH bersetuju bahawa perkhidmatan pada masa ini dan/atau pada bila-bila masa yang ditawarkan oleh Bank Islam kepada IAH akan bergantung dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan tersebut.
- 20.2 Bank Islam berhak mengubah atau meminda terma dan/atau syarat di dalam T&C ini tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari secara bertulis kepada IAH dan perubahan dan pindaan tersebut akan mempunyai impak yang sama seperti yang disebutkan di dalam T&C ini dan tidak ada apa-apa di sini yang akan ditafsirkan sehingga dapat menyekat atau mengekang atau menjejaskan mana-mana hak Bank di sini untuk mengubah atau meminda syarat dan/atau syarat tanpa perlu mendapatkan persetujuan atau pengesahan IAH.
- 20.3 Jika terdapat sebarang perubahan pada data peribadi seperti alamat IAH, IAH hendaklah maklumkan kepada pihak Bank Islam dengan segera. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua komunikasi kepada IAH dapat dilaksanakan secara berkesan dan segera.
- 20.4 Bagi tujuan transaksi di Terminal Layan Diri, Al-Awfar akan dipaparkan sebagai Akaun Simpanan dan iGain sebagai Akaun Semasa.
- 20.5 Bank Islam akan menyediakan laporan prestasi dana kepada IAH pada setiap suku tahun. Format dan kandungan laporan prestasi dana adalah di dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Islam.

20.6	In the event that any of the provision in this T&C is invalid, illegal and unenforceable under any applicable law or by any reasons whatsoever, the legality and enforceability of the remaining provisions shall not be affected.	20.6	Sekiranya mana-mana peruntukan dalam T&C ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekalipun, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.
21.0	DISCLOSURE OF INFORMATION	21.0	PENDEDAHAN MAKLUMAT
21.1	Bank Islam will not reveal personal data of the IAH including address, telephone number or email address to any external party other than parties listed below (the "Authorized Parties") other than for the purpose connected with the operation of the IAH's account, unless Bank Islam has the IAH permission, or is under either a legal obligation or any other duty to do so: a) any officer, employee, agent or director of Bank Islam Group which includes the holding company(s) of Bank Islam, its subsidiaries, associated companies, affiliates, representatives and branch offices; or b) relevant third parties such as professional advisers, strategic business partners and alliances, service providers, insurers/ Takaful operator or insurance/ Takaful brokers, outsourced agents, merchants, vendors, business partners and business agents who supports the operational activities of Bank Islam and whom are under legal obligation to the confidentiality of IAH's data; or c) any actual or potential participants or assignee, novatee or transferee of Bank Islam's rights and/or obligations under any transaction between Bank Islam and IAH (or any agents or professional advisers); or d) any rating agency or direct/ indirect provider of credit protection to Bank Islam; or e) any party as required by any law or any government, quasi-government, administrative, regulatory/ supervisory body or authority, court or tribunal; or f) any credit reference agency that Bank Islam uses for credit assessment or credit review of IAH and parties related to the facilities provided by Bank Islam to IAH; or g) any financial crime references agencies, other financial institution and any of their respective agents; or h) any guarantor or collateral provider for IAH's facilities.	21.1	Bank Islam tidak akan mendedahkan data peribadi IAH termasuk alamat, nombor telefon atau alamat emel kepada mana-mana pihak luar yang lain daripada pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") selain daripada untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun IAH, melainkan jika Bank Islam mendapat kebenaran daripada IAH, atau sama ada terletak di bawah tanggungjawab undang-undang atau apa-apa kewajipan lain untuk berbuat demikian: a) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan Bank Islam yang merangkumi syarikat induk Bank Islam, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangan; atau b) pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, pengendali insurans/ Takaful atau broker insurans/ Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk kerahsiaan data anda; atau c) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan/atau kewajipan Bank Islam di bawah apa-apa transaksi antara pihak Bank Islam dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional); atau d) mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung/ tidak langsung perlindungan kredit kepada Bank Islam; atau e) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan/ penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal; atau f) mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank Islam bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank Islam kepada IAH; atau g) apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing; atau h) mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan IAH.
21.2	The IAH hereby expressly consents to such disclosure and confirms and declares that the terms contained therein shall be subject to the Privacy Notice in connection with the Personal Data Protection Act 2010 signed with Bank Islam and in the event of any inconsistency between the terms contained herein with the terms as set out in the Privacy Notice, the terms and conditions in the Privacy Notice shall prevail.	21.2	IAH dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Notis Privasi yang berkaitan dengan Perlindungan Data Peribadi 2010 Akta yang ditandatangani dengan Bank Islam dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Notis Privasi, terma dan syarat di dalam Notis Privasi akan terpakai.
21.3	The IAH further acknowledges that the information provided by IAH to Bank Islam including the information regarding the IAH and any reportable account(s) may be shared with the tax authorities of the country/ jurisdiction in which this account(s) is/are maintained and/or exchanged with any tax authorities of another country/ jurisdiction or countries/ jurisdictions in which the IAH may be the tax resident pursuant to intergovernmental	21.3	IAH mengakui bahawa maklumat yang diberikan oleh IAH kepada Bank Islam, termasuk maklumat mengenai IAH dan sebarang akaun yang boleh dilaporkan boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai negara/ bidang kuasa dimana akaun ini diselenggara, dimiliki dan/atau dipertukar dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara/ bidang kuasa lain atau negara/ bidang kuasa dimana IAH boleh menjadi pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan dimana Bank Islam

agreements in which Bank Islam has obligation to exchange any account information.

mempunyai kewajiban untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.

22.0 ANTI MONEY LAUNDERING AND COUNTER FINANCING OF TERRORISM

22.1 In order to comply with local or foreign law, regulations, voluntary codes, directives, judgments or court orders, and any authorities, regulators or enforcement agencies, policies, good practice, government sanctions or embargoes, reporting requirements under financial transactions legislation and demands or requests of any authority, regulator, tribunal, enforcement agencies, exchange bodies, Bank Islam may:

- a) be prohibited from entering or concluding transactions involving certain persons or entities (e.g. person or entity that is itself sanctioned or is connected to or dealing with (directly or indirectly) any person or entity that is sanctioned under economic and trade sanctions imposed by any regulator in any jurisdiction.
- b) report suspicious transactions or potential breaches of sanctions to an authority in any jurisdiction to which Bank Islam may need or decide to disclose. Transactions impacted include those that may:
 - i. involve the provision of finance to any person involved or suspected of involvement in terrorism or any terrorist act; or
 - ii. be relevant to investigation of an actual or attempted evasion of tax law, investigation of or prosecution of a person for an offence against any applicable law; or
 - iii. involve persons or entities which may be the subject of sanctions.
- c) intercept and investigate any payment messages and other information or communications sent to or by the IAH or on behalf of the IAH and may delay, block or refuse to make any payment and payment screening may cause a delay in processing certain information.
- d) take any action it believes to be necessary, which includes freezing of funds, preventing operation of an account, refusing a request for funds from the IAH, not allowing IAH to use a product or delaying and/or cancelling a transaction. Bank Islam does not require to notify the IAH until a reasonable time after it is permitted to do so under those law or policies. Bank Islam will not be liable for any loss arising out of any action taken or delay or failure by Bank Islam, in performing any of its duties or other obligations.
- e) not to accept any deposit via any means or sources and/or allow or carry out any other transactions including withdrawals of money in respect of IAH's account if Bank Islam has a reason to believe or is made aware of by third parties or relevant authorities that the IAH's account is being used for or implicated in fraud, potential fraud, financial crimes, illegal activities, soliciting illegal financial investment schemes, money laundering or terrorism financing activities. Bank Islam too shall (subject to the extent permitted by law), reserves the right to close, freeze or otherwise deal with the IAH's account as necessary.

22.0 ANTI PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

22.1 Untuk mematuhi undang-undang tempatan atau luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan yang baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan laporan di bawah undang-undang dan permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, pihak Bank Islam boleh:

- a) melarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan individu atau entiti tertentu (contohnya individu atau entiti yang disekat atau dikaitkan dengan atau berurusan dengan (secara langsung atau tidak) mana-mana individu atau entiti yang disekat di bawah sekatan ekonomi dan perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pengawal selia di bawah mana-mana bidang kuasa.
- b) melaporkan transaksi yang mencurigakan atau potensi pelanggaran sekatan kepada pihak berkuasa di mana-mana bidang kuasa di mana pihak Bank Islam mungkin perlu memutuskan untuk mendedahkan. Transaksi yang terlibat termasuk yang mungkin:
 - i. melibatkan penyediaan kewangan kepada mana-mana orang yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan pengganas; atau
 - ii. menjadi relevan untuk menyiasat suatu undang-undang percubaan atau percubaan yang sebenarnya, penyiasatan atau pendakwaan terhadap seseorang untuk suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berlaku; atau
 - iii. melibatkan orang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan.
- c) memintas dan menyiasat apa-apa mesej pembayaran dan maklumat atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh IAH atau bagi pihak IAH dan boleh melambatkan, menyekat atau enggan membuat apa-apa bayaran dan pemeriksaan pembayaran boleh menyebabkan kelewatan memproses maklumat tertentu.
- d) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu, termasuk pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan dana dari IAH, tidak membenarkan IAH menggunakan produk atau melambatkan dan/atau membatalkan transaksi. Bank Islam tidak perlu memberitahu IAH sehingga masa yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau kelewatan atau kegagalan oleh Bank Islam, dalam melaksanakan apa-apa tugas atau kewajipan lain.
- e) tidak menerima apa-apa deposit melalui apa jua cara atau sumber dan/atau membenarkan atau menjalankan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang yang berkaitan dengan akaun IAH jika pihak Bank Islam mempunyai sebab untuk menerima atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan akaun IAH digunakan atau terlibat dalam penipuan, penipuan berpotensi, jenayah kewangan, aktiviti haram, permintaan skim pelaburan kewangan haram, pengubahan wang haram atau pembiayaan aktiviti keganasan. Bank Islam juga hendaklah (tertakluk kepada tahap yang dibenarkan oleh undang-

undang), berhak untuk menutup, membekukan atau berurusan dengan akaun IAH berdasarkan kesesuaian.

23.0	GOVERNING LAW	23.0	UNDANG-UNDANG
23.1	This T&C shall be governed by the laws of Malaysia.	23.1	T&C ini diurus ditadbir oleh undang-undang Malaysia.
B	SPECIFIC TERMS AND CONDITIONS FOR AL-AWFAR	B	TERMA DAN SYARAT KHUSUS BAGI AL-AWFAR
1.0	OTHER TERMS	1.0	SYARAT-SYARAT LAIN
1.1	“Salary Account” means Al-Awfar account designated by IAH to receive salary from their employers.	1.1	“Akaun Gaji” bermaksud akaun Al-Awfar yang ditetapkan oleh IAH untuk menerima gaji dari majikan mereka.
1.2	Any person below the age of eighteen (18) years may open IA with parents or a legal guardian to act as trustee. This condition is applicable until the said minor attains the age of eighteen (18) years and any instructions of the parent or legal guardian alone shall be accepted and valid in respect of all transactions related to this account.	1.2	Mana-mana individu di bawah umur lapan belas (18) tahun boleh membuka IA dengan ibu/bapa atau penjaga yang sah bertindak sebagai pemegang amanah. Syarat ini adalah terpakai sehingga individu bawah umur tersebut mencapai umur lapan belas (18) tahun dan arahan-arahan daripada ibu/bapa atau penjaga yang sah sahaja akan diterima dan sah bagi semua urusan niaga yang berkaitan dengan akaun tersebut.
2.0	PRIZE DRAW	2.0	HADIAH CABUTAN
2.1	Only active accounts will be entitled for the prize draw. Subject to this T&C, Bank Islam reserves the right to include or exclude any account for the prize draw. The draw eligibility and categories can be referred to Appendix 1 of this T&C.	2.1	Hanya akaun aktif layak untuk menyertai cabutan. Tertakluk kepada T&C ini, pihak Bank Islam berhak untuk memasukkan atau mengecualikan apa-apa akaun untuk cabutan hadiah tersebut. Kelayakan dan kategori-kategori cabutan boleh dirujuk di Lampiran 1 T&C ini.
2.2	The IAH will be entitled for one (1) Eligibility Unit (EU) based on the qualifying criteria stated in Appendix 1.	2.2	IAH layak untuk mendapat satu (1) Unit Penyertaan (EU) berdasarkan kepada kriteria kelayakan yang dinyatakan di Lampiran 1.
2.3	For Jom Pindah Gaji draw whereby IAH receives salary into their Salary Account from other banks (IAH's employer using other banks to process salary payment), IAH is required to complete Jom Pindah Gaji Participation Form at any branches to allow Bank Islam to perform the necessary tagging. Should IAH receive the salary processed within Bank Islam (IAH's employer using Bank Islam to process salary payment), the Salary account will be automatically enrolled for the Jom Pindah Gaji draw.	2.3	Bagi cabutan Jom Pindah Gaji di mana IAH menerima gaji ke dalam Akaun Gaji mereka dari bank lain (majikan IAH menggunakan bank lain untuk memproses pembayaran gaji), IAH dikehendaki menyempurnakan Borang Penyertaan Jom Pindah Gaji di mana-mana cawangan untuk membolehkan Bank Islam melaksanakan penandaan yang diperlukan. Sekiranya IAH menerima gaji yang diproses di dalam Bank Islam (majikan IAH menggunakan Bank Islam untuk memproses pembayaran gaji), akaun Gaji akan secara automatik terdaftar untuk cabutan Jom Pindah Gaji.
2.4	If the prize is not available for whatsoever reason, Bank Islam reserves the right to substitute the prize for any item of equivalent value or with any other items whichever Bank Islam deems appropriate upon Bank Islam issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Prize Winners from the date prize winner announcement is scheduled to be made by Bank Islam. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at Bank Islam's branches or websites.	2.4	Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank Islam berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa-apa hadiah yang Bank Islam anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Pemenang Hadiah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh Bank Islam. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan atau laman web Bank Islam.
2.5	The prize is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Prize Winners must accept the prize “as it is” and must acknowledge that Bank Islam shall not be held responsible in the value of the prizes due to the variation of prices in the market during the prizes redemption/ collection by them at the time stipulated by Bank Islam.	2.5	Hadiah ini tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para Pemenang Hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada (“as it is”) dan mengakui bahawa pihak Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika mereka menebus/ memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam.
2.6	The prize(s) does/do not include any accessories or items shown in any advertisements and/or promotional materials as they are for illustrative purpose only.	2.6	Hadiah tidak termasuk sebarang aksesori atau barangan yang ditunjukkan di dalam apa-apa iklan dan/atau bahan promosi kerana ini hanyalah bagi tujuan ilustrasi.
2.7	Bank Islam accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing	2.7	Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-

obligation or tax payment due (if any) to any tax authority as a result of receipt of the prizes remains the sole responsibility of the Prize Winners. It is the responsibility of the Prize Winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.

hadiah atau penggunaannya. Apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai tertanggung (jika ada) kepada pihak berkuasa cukai ekor dari penerimaan hadiah-hadiah adalah di bawah tanggungjawab para Pemenang Hadiah sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para Pemenang Hadiah untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.

2.8 Bank Islam and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for any misinterpretation of facts and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the prize won and shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or sustained by the IAH/Prize Winners caused directly or indirectly, in whole or in part, in connection with their participation in this Product or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel and/or as a result of any act or omission on the part of Bank Islam whatsoever, except for any liability which cannot be excluded by law. Bank Islam shall not be responsible in any way whatsoever, in respect of any matters beyond Bank Islam's control in regard to this Product or anything related thereto.

2.8 Bank Islam dan sekutu-sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta dan/atau sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau harta benda berikutan hadiah yang dimenangi dan tidak akan bertanggungjawab, sama ada secara langsung atau tidak, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh IAH/Pemenang Hadiah yang berlaku secara langsung atau tidak, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Produk ini atau penerimaan atau penggunaan apa-apa hadiah atau mungkin dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian daripada pihak Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun, ke atas segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Produk ini.

2.9 All prize winners will be notified via Bank Islam's website at www.bankislam.com and/or through any other mode of communication as communicated by Bank Islam from time to time.

2.9 Maklumat pemenang akan dipaparkan di dalam laman web Bank Islam www.bankislam.com dan/atau melalui apa-apa kaedah komunikasi seperti yang diberitahu oleh Bank Islam dari semasa ke semasa.

2.10 Bank Islam's decision on all matters relating to the selection of winners and prizes via Bank Islam's generic draw engine shall be final, conclusive, and binding on the IAH and no further correspondence and/or appeal to dispute Bank Islam's decision shall be entertained.

2.10 Keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua IAH dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.

2.11 Any claim for the prizes (in the event the account was closed before the crediting of the prize) must be made within twelve (12) months from the date of Bank Islam's announcement.

2.11 Apa-apa tuntutan hadiah (sekiranya akaun telah ditutup sebelum hadiah dikreditkan ke dalam akaun) perlu dikemukakan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pengumuman oleh pihak Bank Islam.

2.12 In compliance with Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, Bank Islam shall protect the personal data of the IAH. Winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by Bank Islam for publicity purposes.

2.12 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pihak Bank Islam akan melindungi data peribadi IAH. Para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang di mana-mana media mengikut budi bicara Bank Islam untuk tujuan publisiti.

2.13 Cash prizes will be credited into the Al-Awfar within fourteen (14) working days from the date of Bank Islam's announcement.

2.13 Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam Al-Awfar dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman oleh pihak Bank Islam.

2.14 Bank Islam has the right to review the criteria, eligibility, entry requirement, and frequency of the draw whatsoever from time to time.

2.14 Bank Islam berhak untuk menyemak semula kriteria, syarat-syarat kelayakan, kemasukan, dan kekerapan cabutan hadiah dari semasa ke semasa.

3.0 PASSBOOK

3.1 The IAH shall keep the passbook under lock and safe at all times. Bank Islam shall not be responsible for any loss caused by IAH's negligence where any person shall have possession of the passbook and fraudulently withdrawn any sum belonging to IAH from the passbook.

3.2 Bank Islam will replace the passbook with a new one if the passbook is worn out or defaced.

3.0 BUKU SIMPANAN

3.1 IAH hendaklah menyimpan buku simpanan di tempat berkunci dan selamat pada setiap masa. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian yang berpunca daripada kecuaihan IAH di mana orang lain telah berjaya mengeluarkan wang milik IAH secara penipuan daripada buku simpanan tersebut.

3.2 Bank Islam akan menggantikan dengan buku simpanan yang baru sekiranya buku simpanan telah luntur atau rosak.

- | | |
|---|---|
| <p>3.3 The IAH shall immediately notify Bank Islam in writing on the loss or destruction of the passbook. Bank Islam shall issue a new passbook upon production of such evidence and signing of Disclaimer and Indemnity Letter, subject to payment of a stamp duty of RM10 or such other amount determine under the law.</p> <p>3.4 The IAH shall bring the passbook to the nearest Bank Islam's branch for updating purposes if any previous transaction without the passbook has been made.</p> <p>3.5 The IAH is required to keep the passbook safe and immediately report, in writing, of loss or theft of the passbook to Bank Islam. The replacement of lost passbook will only be issued after Bank Islam received a duly signed and stamped Indemnity Letter, subject to payment of a stamp duty amounting RM10 or any other amount as communicated by Bank Islam.</p> | <p>3.3 IAH hendaklah segera memberitahu Bank Islam secara bertulis sekiranya buku simpanan telah hilang atau musnah. Bank Islam akan mengeluarkan buku simpanan baru setelah bukti yang berkenaan dikemukakan dan Surat Pelepasan Tanggungan dan menanggung rugi telah ditandatangani beserta pembayaran caj setem hasil sebanyak RM10 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang ditentukan di bawah undang-undang.</p> <p>3.4 IAH dikehendaki membawa buku simpanan ke cawangan Bank Islam yang terdekat untuk pengemaskinian sekiranya terdapat urusan tanpa buku simpanan telah dibuat.</p> <p>3.5 IAH perlu menyimpan buku simpanan dalam keadaan selamat dan melaporkan dengan segera, secara bertulis, tentang kehilangan atau kecurian buku simpanan kepada Bank Islam. Penggantian buku simpanan yang hilang hanya akan dikeluarkan selepas Bank Islam menerima Surat Pelepasan Tanggungan yang telah ditandatangani oleh IAH, beserta pembayaran caj setem hasil sebanyak RM10 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang boleh diberitahu oleh pihak Bank Islam.</p> |
|---|---|

C	SPECIFIC TERMS AND CONDITIONS FOR iGAIN AND IHSAN ASCENT	C	TERMA DAN SYARAT KHUSUS BAGI iGAIN DAN IHSAN ASCENT
1.0	CHEQUES AND CHEQUE BOOK	1.0	CEK DAN BUKU CEK
1.1	Only cheques supplied by Bank Islam/ Bank Islam's representative containing the IAH's account number shall be used to draw on the account.	1.1	Hanya cek yang dikeluarkan oleh Bank Islam/ wakil Bank Islam yang mengandungi nombor akaun IAH boleh digunakan untuk membuat pengeluaran daripada akaun.
1.2	The cheque book will be issued upon request by the IAH. Such request should be made in written and duly signed by the IAH or any other means as communicated by Bank Islam from time to time. The cheque books issuance is subject to Bank Islam's approval.	1.2	Pengeluaran buku cek hanya akan dibuat sekiranya terdapat permohonan daripada IAH. Permohonan tersebut hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh IAH atau cara-cara lain seperti yang dinyatakan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa. Pengeluaran buku cek adalah tertakluk kepada kelulusan Bank Islam.
1.3	The IAH shall collect the cheque book in person or alternatively, the IAH shall authorise Bank Islam to hand over the cheque book to her/his representative as specified in the written request.	1.3	IAH hendaklah mengambil sendiri buku cek, atau sebaliknya membenarkan Bank Islam menyerahkan buku cek tersebut kepada wakil IAH seperti yang dinyatakan dalam permohonan bertulis.
1.4	Individual, joint account or sole proprietor IAH may request for delivery of the cheque books to the address provided in IAH's written request subject to delivery fee imposed on the IAH as set out in Bank Islam's website.	1.4	IAH individu, akaun bersama atau milikan tunggal boleh memohon untuk penghantaran buku cek ke alamat yang diberikan dalam permohonan bertulis tertakluk kepada fi penghantaran yang dikenakan ke atas IAH seperti yang dinyatakan di dalam laman web Bank Islam.
1.5	The IAH agrees that the cheque book issued to them which remains uncollected or cannot be delivered within one (1) month from the date of issuance shall be destroyed by Bank Islam and any charges debited during the issuance of the said cheque book shall not be refunded to the IAH to defray the cost of issuing the cheque book. Bank Islam may impose administrative charge on the cheque disposal.	1.5	IAH bersetuju bahawa buku cek yang dikeluarkan kepada IAH akan dimusnahkan oleh Bank Islam sekiranya ia tidak dipungut atau tidak dapat disampaikan kepada IAH dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh pengeluaran dan sebarang caj yang didebitkan sewaktu pengeluarannya tidak akan dipulangkan bagi menanggung kos pengeluaran buku cek tersebut. Bank Islam berhak mengenakan caj ke atas cek yang dimusnahkan.
1.6	Bank Islam reserves the right to dishonour: a) any cheques whereby (in the opinion of Bank Islam) the drawer's signature on the cheque differs from the specimen signature supplied to Bank Islam. b) cheques with alteration/ technical error or did not comply with the guidelines of writing a cheque which have been determined by Bank Islam from time to time.	1.6	Bank Islam berhak untuk menolak: a) sebarang cek apabila (dalam pertimbangan Bank Islam) tandatangan pengeluar pada cek tersebut tidak sama dengan contoh tandatangan yang diberikan terdahulu kepada Bank Islam. b) cek yang terdapat pindaan/ kesilapan teknikal atau tidak menepati garis panduan penulisan cek yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh pihak Bank Islam.
1.7	All instructions to stop payment of cheques by the IAH or IAH's authorised representative must be in writing fully identifying the cheque and will be effective only upon receipt of such instruction by Bank Islam where the IAH's account is maintained. The	1.7	Kesemua arahan untuk menahan pembayaran cek mestilah dibuat secara bertulis dan akan hanya berkuat kuasa setelah diterima oleh Bank Islam di mana akaun IAH dikendalikan. Arahan tersebut hendaklah mengandungi butiran lengkap cek



**TRANSACTIONAL INVESTMENT ACCOUNT
AKAUN PELABURAN TRANSAKSI**

(Not protected by PIDM / Tidak dilindungi oleh PIDM)

Effective 11 August 2025 / Berkuat kuasa 11 Ogos 2025

instructions should include the cheque serial number, the date, the payee's name and amount. Bank Islam shall not, however, be responsible for any delay or omission by IAH in executing such instruction.

tersebut iaitu nombor siri cek, tarikh, nama penerima dan jumlah. Walau bagaimanapun, Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kegagalan IAH dalam melaksanakan arahan tersebut.

1.8 Upon closure of the IAH's account, either by the IAH, by Bank Islam or by operation of the law, all unused cheque leaves remain the property of Bank Islam and the IAH shall immediately return them to Bank Islam.

1.8 Apabila akaun ditutup, sama ada oleh Bank Islam, dengan permintaan IAH sendiri atau berdasarkan operasi undang-undang, kesemua cek yang belum digunakan kekal menjadi hak milik Bank Islam dan IAH dikehendaki mengembalikan cek tersebut dengan segera kepada Bank Islam.

1.9 The IAH shall issue cheque either in Bahasa Malaysia or English. Unless otherwise agreed by Bank Islam in writing, cheque issue with other language will not be accepted by Bank Islam.

1.9 IAH hendaklah mengeluarkan cek sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Melainkan jika dipersetujui oleh pihak Bank Islam secara bertulis, sebarang cek yang dikeluarkan menggunakan bahasa lain tidak akan diterima oleh Bank Islam.

1.10 In addition to and not in derogation of any of the rules set out herein the conditions printed on the inside cover of the cheque book issued to the IAH shall be considered part of these rules.

1.10 Sebagai tambahan kepada dan dengan tidak menjejaskan mana-mana peruntukan peraturan ini syarat-syarat yang dicetak di muka kulit buku cek yang dikeluarkan kepada IAH mestilah dipatuhi dan adalah dianggap sebagai sebahagian daripada peraturan ini.

1.11 To open an Ihsan Ascent, IAH must maintain an active Current Account, Savings Account or Transactional Investment Account (CASATIA) account with Bank Islam. This is to enable the transfer of any excess funds (auto-sweeping) where any investment exceeding the maximum limit will be automatically transferred to IAH's preferred account with Bank Islam by the end of the same day.

1.11 Untuk membuka Ihsan Ascent, IAH mesti mengekalkan Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Akaun Pelaburan Transaksi (CASATIA) yang aktif dengan Bank Islam. Ini bertujuan untuk membolehkan pemindahan sebarang lebihan dana (auto-sweeping) di mana pelaburan yang melebihi had maksimum akan dipindahkan secara automatik ke akaun pilihan IAH dengan Bank Islam pada akhir hari yang sama.

1.12 Any changes to the profit-sharing ratio (PSR) and/or indicative rates in the future for Ihsan Ascent will be communicated to IAH in writing or via email.

1.12 Sebarang perubahan kepada nisbah perkongsian keuntungan (PSR) dan/atau kadar indikatif pada masa hadapan bagi Ihsan Ascent akan dimaklumkan kepada IAH secara bertulis atau melalui e-mel.

2.0 OTHER TERMS

2.1 The profit, if any, for IA under dormant status shall be paid at a lower PSR as stipulated in the PDS and/or Letter of Offer.

2.0 SYARAT-SYARAT LAIN

2.1 Keuntungan, jika ada, untuk IA di bawah status tidak aktif akan dibayar pada PSR yang lebih rendah seperti yang dinyatakan dalam PDS dan/atau Surat Tawaran.

WARNING:

THE RETURNS ON THIS INVESTMENT ACCOUNT WILL BE AFFECTED BY THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS. THE PRINCIPAL AND RETURNS ARE NOT GUARANTEED AND THE INVESTMENT ACCOUNT HOLDER RISKS EARNING NO RETURNS AT ALL.

IF THE INVESTMENT IS REDEEMED EARLY, THE INVESTMENT ACCOUNT HOLDER MAY SUFFER LOSSES IN PART OR THE ENTIRE PRINCIPAL SUM INVESTED. THIS INVESTMENT ACCOUNT IS NOT PROTECTED BY PIDM.

AMARAN:

PULANGAN AKAUN PELABURAN INI BERKEMUNGKINAN AKAN TERJEJAS OLEH PRESTASI ASET DASAR. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MEMPUYAI RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN.

JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PEMEGANG AKAUN PELABURAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PELABURAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.

APPENDIX 1 / **LAMPIRAN 1**

**AL-AWFAR DRAW CATEGORY AND ELIGIBILITY UNIT (EU) /
KATEGORI CABUTAN DAN UNIT PENYERTAAN (EU) AL-AWFAR**

YEARLY DRAW / CABUTAN TAHUNAN				
Name of Draw Category / <i>Nama Kategori Cabutan</i>	Criteria / <i>Kriteria</i>	Calculation of EU / <i>Pengiraan EU</i>	Multiplier EU / <i>Pengganda EU</i>	
PLATINUM	Average Balance of RM250,000 and above per year / <i>Baki Purata RM250,000 dan ke atas setahun</i>	Yearly Average Balance/1,000 X Multiplier EU = Total EU / <i>Baki Purata Tahunan/1,000 X Pegganda EU = Jumlah EU</i>	Average Balance / <i>Baki Purata (RM)</i>	Multiplier / <i>Pengganda EU</i>
GOLD	Average Balance RM100,000 to 249,999.99 per year / <i>Baki Purata RM100,000 - 249,999.99 setahun</i>	Yearly Average Balance/1,000 X Multiplier EU = Total EU / <i>Baki Purata Tahunan/1,000 X Pegganda EU = Jumlah EU</i>	1-99.99	0
			100-9,999.99	1
SILVER	Average Balance RM50,000 to 99,999.99 per year / <i>Baki Purata RM50,000 - 99,999.99 setahun</i>	Yearly Average Balance/1,000 X Multiplier EU = Total EU / <i>Baki Purata Tahunan/1,000 X Pegganda EU = Jumlah EU</i>	10,000-49,999.99	5
			50,000-99,999.99	7
BONUS	Average Balance RM1,000 per year / <i>Baki Purata RM1,000 setahun</i>	Yearly Average Balance/1,000 X Multiplier EU = Total EU / <i>Tahunan/1,000 X Pegganda EU = Jumlah EU</i>	Above / <i>Atas</i> 100,000	10

HALF YEARLY DRAW / CABUTAN SETENGAH TAHUNAN				
Name of Draw Category / <i>Nama Kategori Cabutan</i>	Criteria / <i>Kriteria</i>	Calculation of EU / <i>Pengiraan EU</i>	Multiplier EU / <i>Pengganda EU</i>	
HALF YEARLY / <i>SETENGAH TAHUNAN</i>	6 months average balance of RM1,000 / <i>Baki purata 6 bulan sebanyak RM1,000</i>		Average Balance / <i>Baki Purata (RM)</i>	Multiplier / <i>Pengganda EU</i>
LOYALTY 1	6 months average balance of RM1,000 and Al-Awfar Account opened 3 to 5 years / <i>Baki purata 6 bulan sebanyak RM1,000 dan Akaun Al-Awfar telah dibuka antara 3 ke 5 tahun</i>	6 Months Average Balance/1,000 X Multiplier EU = Total EU / <i>Baki Purata 6 Bulan /1,000 X Pegganda EU = Jumlah EU</i>	1-99.99	0
			100-9,999.99	1
LOYALTY 2	6 months average balance RM1,000 and Al-Awfar Account opened >5 years / <i>Baki purata 6 bulan sebanyak RM1,000 dan Akaun Al-Awfar telah dibuka >5 tahun</i>		10,000-49,999.99	5
			50,000-99,999.99	7
YOUTH	Average Balance RM100 per month and Al-Awfar IAH aged below 23 years old / <i>Baki Purata sebanyak RM100 sebulan dan IAH Al-Awfar berusia bawah 23 tahun</i>	Monthly Average Balance/100 X Multiplier EU = Total EU / <i>Baki Purata Bulanan/100 X Pegganda EU = Jumlah EU</i>	Above / <i>Atas</i> 100,000	10
GRADONE	Average Balance RM100 per month and Al-Awfar IAH aged 21 to 35 years old / <i>Baki Purata sebanyak RM100 sebulan dan IAH Al-Awfar berusia dari 21 ke 35 tahun</i>			

QUARTERLY DRAW / <i>CABUTAN SUKU TAHUNAN</i>				
Name of Draw Category / <i>Nama Kategori Cabutan</i>	Criteria / <i>Kriteria</i>	Calculation of EU / <i>Pengiraan EU</i>	Multiplier EU / <i>Pengganda EU</i>	
MILLIONAIRE	Average Balance RM1,000 per Quarter / <i>Baki Purata sebanyak RM1,000 setiap suku tahunan</i>	Quarterly Average Balance/1,000 X Multiplier EU = Total EU / <i>Baki Purata Suku Tahunan</i> /1,000 X <i>Pengganda EU</i> = <i>Jumlah EU</i>	Average Balance / <i>Baki Purata</i> (RM)	Multiplier / <i>Pengganda EU</i>
NEW SAVER	Average Balance RM1,000 per Quarter and Al-Awfar Account opened up to 1 year / <i>Baki Purata sebanyak RM1,000 setiap suku tahunan dan Akaun Al-Awfar dibuka sehingga satu tahun</i>		1-99.99	0
			100-9,999.99	1
			10,000-49,999.99	5
50FOR50	Average Balance RM1,000 per Quarter and Al-Awfar IAH aged 50 years and above / <i>Baki Purata sebanyak RM1,000 setiap suku tahunan dan IAH Al-Awfar berusia 50 tahun dan ke atas</i>		50,000-99,999.99	7
			Above / <i>Atas</i> 100,000	10

MONTHLY DRAW / <i>CABUTAN BULANAN</i>				
Name of Draw Category / <i>Nama Kategori Cabutan</i>	Criteria / <i>Kriteria</i>	Calculation of EU / <i>Pengiraan EU</i>	Multiplier EU / <i>Pengganda EU</i>	
MONTHLY / <i>BULANAN</i>	Average Balance RM100 per month / <i>Baki Purata sebanyak RM100 sebulan</i>	Monthly Average Balance/100 X Multiplier EU = Total EU / <i>Baki Purata Suku Tahunan</i> /100 X <i>Pengganda EU</i> = <i>Jumlah EU</i>	Average Balance / <i>Baki Purata</i> (RM)	Multiplier / <i>Pengganda EU</i>
STATE / <i>NEGERI</i>	Average Balance RM100 per month / <i>Baki Purata sebanyak RM100 sebulan</i>		1-99.99	0
			100-9,999.99	1
			10,000-49,999.99	5
JOM PINDAH GAJI	Account salary through Al-Awfar with average Balance RM100 per month / <i>Akaun gaji melalui Al-Awfar dengan Baki Purata sebanyak RM100 sebulan</i>		50,000-99,999.99	7
			Above / <i>Atas</i> 100,000	10